



Dari Meja

Oktober

Setiap orang mempunyai prinsip atau nilai hidup. Prinsip atau nilai hidup adalah satu set kepercayaan yang kukuh yang ditanam sejak kecil sama ada oleh ibubapa atau persekitaran kita. Ia merupakan pegangan asas individu atau kumpulan tentang sesuatu konsep serta keyakinan terhadap sesuatu yang mengandungi kualiti moral yang diletakkan di tempat tinggi dalam kehidupan. Prinsip hidup ini adalah bersumberkan ajaran agama, tatasusila masyarakat, pendidikan yang diperolehi dan pengalaman yang dilalui. Melalui prinsip atau nilai hidup, kita akan dapat menentukan bagaimana kita menggunakan masa, tenaga, wang dan sebagainya dengan cemerlang.

Stephen Covey di dalam bukunya *Seven Habits of Highly Effective People* telah memberi contoh sistem nilai dan prinsip dalam kehidupan. Antaranya ialah Berjaya Di Rumah Dahulu; Cari Serta Dapatkan Bantuan Tuhan; Jangan Kompromikan Kejujuran; Ingat Orang Yang Terlibat; Dengar Kedua-Dua Pihak Sebelum Menghukum; Dapatkan Nasihat Orang Lain; Pertahankan Mereka Yang Tidak Hadir; Sentiasa Jujur Tetapi Tegas; Kembangkan Kecekapan Baru Setiap Hari; Rancang Kerja Hari Esok; Berusaha Sambil Menunggu; Aturkan Diri Sendiri Dan Kerja; Jangan Takut Melakukan Kesilapan Serta Lebihkan Mendengar Dan Kurangkan Bercakap.

Kesimpulannya, sekiranya kita berpegang teguh dengan nilai dan prinsip hidup ini, sudah tentulah kita akan menjadi seorang manusia yang tidak hanya mementingkan kemewahan, kebendaan atau wang ringgit semata-mata serta bekerja dengan lebih keras untuk menjadikan diri lebih baik daripada sebelumnya.

OBSESI ialah perkataan DMNC kali ini. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, obsesi membawa maksud keadaan terlalu memikirkan sesuatu. Sikap obsesi dalam bidang pekerjaan kadangkala adalah amat penting dalam melaksanakan sebarang tugas atau pekerjaan yang memerlukan tumpuan dan komitmen yang begitu tinggi. Potensi dan kemampuan diri kita adalah berbeza-beza namun adakah kita benar-benar mengoptimalkan potensi atau kemampuan diri kita? Jika target obsesi kita baik, maka memiliki obsesi bukan hanya baik malah motivasi daripada sesebuah obsesi itu boleh menjadikan kita sangat kuat.

Untuk sukses kita perlu menentukan dengan tepat apa yang kita inginkan. Ada sesetengah staf yang terobsesi dalam fikirannya bahawa setelah kerja kuat pasti ada ganjarannya seperti pujian oleh pihak majikan atau kenaikan pangkat. Namun begitu, itu semua tidak begitu penting dan bukanlah segala-galanya. Apa yang lebih penting ialah sentiasa obsesi dengan kemuliaan hidup dan keberkatan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

November

Tanpa kita sedari hanya dua bulan sahaja lagi kita berada di tahun 2010. Sementara kita kini telah melangkah ke bulan November yakni bulan ke-11 dalam kalendar tahun ini. Masa yang kita ada semakin suntuk untuk menyempurnakan semua sasaran yang telah kita tetapkan di awal tahun. Justeru adalah perlu untuk kita semua terus bekerja keras untuk mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan. Misi tidak pasti akan dicapai tanpa usaha yang gigih dan berterusan dalam diri setiap insan.

DMNC kali ini memilih perkataan NORMA. Norma membawa maksud ukuran atau standard untuk menentukan sesuatu; peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Dengan kata lain norma boleh juga dimaksudkan sebagai etika. Norma dalam bidang pekerjaan adalah amat penting dalam mengekalkan kualiti profesionalisme dan amalan baik bidang pekerjaan seharian. Antara norma yang perlu diambil kira dalam pekerjaan harian kita atau teras etika seseorang profesional ialah Cemerlang, Sikap Berinisiatif, Niat Baik, Bertanggungjawab Terhadap Masyarakat, Amanah Dalam Kerja, Komited, Menjaga Akhlak, Jujur, Sentiasa Bersyukur, Pengurusan Masa dan Sentiasa Muhasabah Diri.

Sekiranya kita sebagai penjawat awam sentiasa mematuhi prinsip atau nilai etika ini maka sudah pasti kita mampu melaksanakan segala pekerjaan dengan mudah dan cemerlang. Sebagai contoh sekiranya amalan rasuah dapat dihapuskan dan jika semua pihak dapat menerima hakikat bahawa amalan itu bertentangan dengan ajaran agama serta norma masyarakat yang bertamadun, maka sudah pasti kita boleh menjadi antara Negara yang termaju di dunia dengan acuan kita sendiri.

Lakukanlah perubahan demi perubahan dari semasa ke semasa untuk terus maju. Begitulah juga dengan organisasi yang kita cintai, UniMAP. UniMAP menjadi nadi bukan sahaja kepada diri kita sendiri malah kepada rakyat, negeri Perlis dan seterusnya Negara Malaysia tercinta. UniMAP sebagai sebuah pusat ilmiah yang terus membangun dan tersohor mewajibkan kita sebagai warganya menghayati dan terus memperkayakan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang bukan sahaja bidang sains dan teknologi malah bidang keagamaan, kemanusiaan dan keusahawanan.

Naib Canselor

Disember

Beberapa hari lagi kalendar 2010 akan berakhir. Bermakna setahun lagi usia diri dan tempoh perkhidmatan kita akan bertambah. Cepat atau tidak masa yang berlalu bukan persoalannya. Yang penting bagaimana pengisiannya. Adakah kita pada hari ini lebih baik berbanding masa yang lalu? Justeru, seharusnya kita bersyukur ke hadrat Illahi kerana dipanjangkan usia dan diberikan kudrat serta kesihatan yang baik. Seterusnya membuka peluang untuk kita memperbaiki kelemahan diri dalam menunaikan kewajipan terhadap diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Di kesempatan ini, ingin saya mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' kepada seluruh warga UniMAP. Tahun 2011 yang bakal tiba perlu disambut dengan penuh semangat dan keazaman yang tinggi. Kematangan daripada pengalaman lepas menjadi bekalan

untuk kita terus mengukir kecemerlangan di tahun yang baru. Bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga demi imej dan maruah organisasi yang kita cintai.

Mengimbas tahun 2010, perkembangan UniMAP terus menggalakkan. Kita masih berada dalam landasan yang ditetapkan. Malah terus menuju ke matlamat yang diharapkan. Secara keseluruhan, amanah dan tugas yang diberikan dapat kita laksanakan dengan baik. Namun, terdapat beberapa perkara masih perlu penambahbaikan. Ianya meliputi semua aspek sama ada dari sudut sistem pentadbiran, akademik, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan sumber manusia UniMAP.

Perkataan pilihan DMNC pada kali ini ialah DALIL. Dalil membawa maksud keterangan, bukti atau alasan yang menguatkan sesuatu kebenaran.

Hamka pernah berkata "Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir." Kata-kata nasihat dari Hamka sangat dalam jika difikirkan. Petikan kata-kata Hamka ini merupakan dalil yang membuktikan bahawa sifat atau akhlak dapat membantu seseorang pekerja berada di atas landasan profesion yang betul dan berintegriti. Sekiranya kerja dilaksanakan dengan akhlak yang baik, maka tidak akan timbul persoalan tentang curi masa, ponteng kerja, kerja sambil lewa, tugas bertunggak dan pelbagai sifat negatif yang lain kerana akhlak meliputi etika kerja secara automatik. Akhlak bukan sahaja menjaga peribadi dalam bekerja, bahkan akhlak yang baik adalah tanda hubungan kita dengan Allah dan hubungan sesama manusia dijaga dengan baik.

Akhir kata, semoga kita menjadi lebih baik berbanding masa yang lalu. Bagi mengharungi tahun 2011 yang bakal tiba memerlukan kita semua untuk terus gigih berusaha dan melakukan persediaan melalui penjana idea-idea baru yang inovatif dan kreatif. Kelemahan atau kekurangan perlu diperbaiki bagi memperkasakan UniMAP agar disegani dan terus dihormati di peringkat nasional dan antarabangsa.

*Selamat Menyambut
Tahun Baru 2011.*

